

PERSEPSI GURU PRASEKOLAH TERHADAP KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI KUALA KANGSAR

Nurul Afifah Surbani^{1*} Nur Shahira Abdul Rashid² Nurulhafizah Binti Hamzah³

^{1, 2}Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology, Jalan Genting Kelang, Setapak, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia

*E-mail Penulis Penghubung : nurulafiqahsurbani982806@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi meneliti sejauh manakah persepsi guru prasekolah terhadap proses pengajaran serta kualiti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam konteks Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Daerah Kuala Kangsar. Objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap persepsi guru prasekolah terhadap PdP, menilai tahap kualiti PdP, dan (iii) mengkaji hubungan antara persepsi guru dengan kualiti PdP. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan adalah Pendekatan Kuantitatif menerusi kaedah Tinjauan Deskriptif. Seramai 53 orang guru prasekolah telah terlibat dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama, manakala data telah dianalisis dengan bantuan SPSS versi 27.0. Hasil kajian memperlihatkan bahawa tahap persepsi guru terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) berada dalam kategori tinggi (min = 4.64, SP = 0.53), dan tahap kualiti PdP turut menunjukkan skor tinggi (min = 4.63, SP = 0.52). Analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah dalam kajian ini iaitu ($r = 0.652$, $p < 0.001$). Kesimpulannya, guru prasekolah yang mempunyai persepsi yang positif terhadap PdP akan cenderung menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan berkualiti. Kajian ini memberi sumbangan kepada pembangunan latihan profesional serta pelaksanaan penambahbaikan dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Kata kunci: persepsi guru, pendidikan awal kanak-kanak, PdP, prasekolah, kualiti pengajaran

Abstract

This study was conducted to examine the extent of preschool teachers' perceptions of the teaching process and the quality of teaching and learning (T&L) implementation within the context of Early Childhood Education in the Kuala Kangsar District. The objectives of this study are (i) to evaluate the level of preschool teachers' perceptions of T&L, (ii) to assess the level of T&L quality, and (iii) to examine the relationship between teachers' perceptions and the quality of T&L. The research design employed was a Quantitative Approach through a Descriptive Survey method. A total of 53 preschool teachers were involved using purposive sampling. The study used a questionnaire as the main instrument, while the data were analyzed with the help of SPSS version 27.0. The findings showed that the level of teachers' perception

toward the quality of teaching and learning was high (mean = 4.64, SD = 0.53), and the level of T&L quality also showed a high score (mean = 4.63, SD = 0.52). Pearson Correlation analysis indicated a significant positive relationship between the two variables in this study ($r = 0.652, p < 0.001$). In conclusion, preschool teachers who have a positive perception of T&L tend to deliver more effective and high-quality teaching and learning. This study contributes to the development of professional training and the implementation of improvements in Early Childhood Education.

Keywords: teacher perception, early childhood education, teaching and learning (T&L), preschool, teaching quality.

Latar Belakang

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pendidikan awal kanak-kanak telah menjadi tumpuan utama pelbagai pihak, termasuk kerajaan, ibu bapa dan komuniti. Peningkatan perhatian ini didorong oleh pelbagai kajian yang membuktikan bahawa pendidikan pada peringkat awal mempunyai impak jangka panjang terhadap pencapaian akademik, pembentukan sahsiah serta keupayaan individu untuk bersaing di masa hadapan (Mustafa et al., 2020; Siraj, 2012).


Di Malaysia, penyediaan pendidikan awal kanak-kanak dilaksanakan oleh pelbagai entiti seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) serta institusi swasta. Meskipun diuruskan oleh agensi yang berlainan, semua institusi ini berpandukan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dibangunkan oleh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

KSPK dirangka berlandaskan prinsip perkembangan holistik kanak-kanak dengan penekanan terhadap pembelajaran berpusatkan murid, pendekatan bermain sambil belajar serta penilaian autentik. Dalam konteks ini, guru prasekolah memainkan peranan penting sebagai fasilitator dan perancang aktiviti pembelajaran, di samping memastikan pendekatan yang digunakan adalah selaras dengan tahap perkembangan dan keperluan murid. Justeru, guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan penglibatan aktif bagi memastikan objektif kurikulum tercapai secara berkesan (Abdul Halim et al., 2019; Mokhlis, 2021).

Walaupun KPM telah menyediakan pelbagai inisiatif seperti garis panduan, latihan dan kursus bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru, masih wujud isu berhubung ketidaksamaan kualiti dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Terdapat dalam kalangan guru yang kurang memahami kandungan kurikulum, tidak menguasai strategi PdP yang berkesan, atau menghadapi kekangan seperti kekurangan sumber, masa dan sokongan pengurusan. Oleh itu, kajian yang meneliti persepsi guru terhadap kualiti PdP adalah penting untuk mengenal pasti cabaran sebenar serta peluang penambahbaikan dalam pelaksanaan pendidikan prasekolah (Aziz & Nor, 2020; Sulaiman & Wong, 2021).

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara persepsi guru dan kualiti pengajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini bagi mengetahui samada terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru dan kualiti pengajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak atau tidak. Kajian ini juga dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada hipotesis iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru dan kualiti pengajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1 : *Kerangka konseptual kajian persepsi guru prasekolah terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran.*

Kerangka konseptual kajian yang menerangkan hubungan antara persepsi guru prasekolah dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Persepsi guru dalam kajian ini merangkumi tiga komponen utama, iaitu kefahaman terhadap kaedah PdP, penggunaan teknologi dalam proses pengajaran, serta perancangan aktiviti bilik darjah. Ketiga-tiga aspek ini dihipotesiskan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap kualiti PdP, yang diukur melalui sikap dan keyakinan guru terhadap keberkesanan aktiviti, penggunaan bahan bantu mengajar, dan interaksi dalam bilik darjah.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk pengumpulan data secara sistematik bagi mengenal pasti persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta menilai tahap kualiti pelaksanaan PdP dalam bilik darjah prasekolah. Melalui reka bentuk tinjauan, data dapat dikumpulkan dalam tempoh masa yang singkat dan dianalisis menggunakan kaedah statistik untuk mengenal pasti corak, kecenderungan, serta hubungan antara pembolehubah. Instrumen utama kajian adalah soal selidik berstruktur yang direka untuk memperoleh data yang khusus, boleh diukur, dan mudah dibandingkan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini merangkumi guru-guru prasekolah yang mengajar di prasekolah kerajaan dan swasta dalam daerah Kuala Kangsar, Perak. Memandangkan populasi yang besar dan tersebar di pelbagai lokasi, penyelidik telah memilih sampel sebanyak 53 guru prasekolah sebagai responden kajian. Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah persampelan

bertujuan (purposive sampling) berdasarkan kriteria tertentu, iaitu guru yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya satu tahun dan memberikan persetujuan secara sukarela untuk turut serta dalam kajian. Jumlah 53 responden dianggap memadai memandangkan sifat kajian yang bersifat eksploratori dengan tujuan untuk mengenal pasti corak persepsi dan penilaian guru terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) di peringkat pendidikan awal kanak-kanak.

Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik berstruktur yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian, hasil kajian terdahulu, serta tinjauan literatur yang berkaitan. Soal selidik ini bertujuan mengumpul data berkaitan latar belakang responden, persepsi mereka terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta penilaian terhadap tahap kualiti PdP di prasekolah.

Jadual 1

Empat Bahagian Utama Dalam Soal Selidik

Bil	Bahagian	Perkara
1.	Bahagian A	Maklumat demografi responden yang merangkumi jantina, umur, tahap pendidikan, pengalaman mengajar di prasekolah dan jenis prasekolah.
2.	Bahagian B	Persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran, termasuk kefahaman, kaedah PdP, penggunaan teknologi, serta perancangan aktiviti bilik darjah.
3.	Bahagian C	Penilaian terhadap tahap kualiti PdP berdasarkan keberkesanan aktiviti, penggunaan bahan bantu mengajar, sokongan pihak sekolah, dan kolaborasi dengan ibu bapa.
4.	Bahagian D	Mengkaji hubungan antara persepsi guru prasekolah terhadap PdP dengan tahap kualiti pengajaran yang dijalankan. Soalan-soalan direka untuk menilai bagaimana sikap dan keyakinan guru mempengaruhi keberkesanan aktiviti, penggunaan bahan bantu mengajar, serta interaksi dalam bilik darjah.

Berdasarkan Jadual 1, Soal Selidik dalam kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu A, B, C dan D. Penjelasan setiap bahagian Soal Selidik dinyatakan seperti diatas. Kajian ini menfokuskan di Bahagian D iaitu mengkaji hubungan antara persepsi guru prasekolah terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan tahap kualiti pengajaran yang dijalankan. Soalan-soalan direka untuk menilai bagaimana

sikap dan keyakinan guru mempengaruhi keberkesanan aktiviti, penggunaan bahan bantu mengajar, serta interaksi dalam bilik darjah.

Jadual 2

Interpretasi Skala

Skala	Interpretasi
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Jadual 2 menunjukkan Interpretasi skala likert yang telah diguna pakai didalam kajian ini. Setiap skala yang dinyatakan mempunyai interpretasi tersendiri. Soal selidik ini telah dikaji dan disemak oleh dua pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi memastikan kesesuaian dan ketepatan kandungan setiap item. Saranan mereka diambil kira untuk memperbaiki penggunaan bahasa, penyusunan ayat, serta memperjelas maksud setiap soalan.

Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data bagi kajian ini dijalankan secara terancang dalam tempoh dua minggu, dengan kaedah utama pengedaran soal selidik dilakukan secara dalam talian. Soal selidik disediakan melalui pautan Google Form dan dihantar kepada guru-guru prasekolah di daerah Kuala Kangsar melalui aplikasi seperti WhatsApp dan e-mel. Pendekatan ini dipilih bagi memudahkan capaian responden yang berada di pelbagai lokasi serta menjimatkan masa dan kos.

Bagi beberapa buah prasekolah terpilih yang dapat diakses dengan mudah dan bersetuju untuk kerjasama secara langsung, edaran soal selidik turut dilakukan secara bersemuka. Penyelidik hadir ke sekolah tersebut untuk menyerahkan borang soal selidik dan memberi penerangan ringkas kepada guru yang terlibat.

Sebelum menjawab, semua responden diberi penjelasan berkaitan tujuan kajian, jaminan kerahsiaan maklumat, serta diminta memberi persetujuan secara sukarela. Setelah tamat tempoh pengumpulan data, semua maklum balas yang diterima disemak, disusun, dan kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah statistik yang sesuai bagi menjawab persoalan kajian.

Analisis Data

Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27.0, melibatkan gabungan analisis statistik deskriptif dan inferensi. Pendekatan ini digunakan untuk menghuraikan data secara menyeluruh serta menjawab ketiga-tiga objektif kajian dengan sistematik dan tepat.

Analisis deskriptif dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan profil demografi responden, serta tahap persepsi guru terhadap pengajaran dan kualiti pelaksanaan PdP di prasekolah. Statistik seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menggambarkan corak respons dan kecenderungan berdasarkan konstruk yang dikaji.

Bagi menilai perbezaan dan hubungan antara pembolehubah, digunakan pula analisis inferensi. Ujian-t diaplikasikan bagi membandingkan min antara dua kumpulan seperti jantina, manakala analisis ANOVA digunakan untuk menilai perbezaan berdasarkan pembolehubah yang melibatkan lebih daripada dua kumpulan seperti tahap pendidikan dan pengalaman mengajar. Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan serta arah hubungan antara persepsi guru dan kualiti PdP yang dijalankan. Soal selidik yang dibangunkan sebagai instrumen utama telah disemak oleh pakar dan diuji melalui kajian rintis bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaannya.

Proses pengumpulan data pula dijalankan secara atas talian menggunakan Google Form yang diedarkan kepada guru prasekolah di daerah Kuala Kangsar, bagi memastikan kadar tindak balas yang optimum. Analisis data kemudiannya dilakukan menggunakan perisian SPSS dengan menerapkan statistik deskriptif dan inferensi bagi menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian secara sistematik dan tepat.

Hasil Kajian

Berikut merupakan hasil dapatan kajian kajian ini berpandukan kepada objektif kajian :

Soalan Kajian

Adakah terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kuala Kangsar Perak?

Jadual 3

Hubungan antara persepsi guru dan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP)

Pemboleh ubah	Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	R	Sig. (2-hala)
Hubungan Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Kualiti Pengajaran & Pembelajaran (Pdp)	Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Dan	53	4.63	0.55	0.652	0.001

Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Kuala Kangsar	Pembelajaran (PdP)			
Tahap Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran		53	4.63	0.54

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menfokuskan kepada hubungan antara persepsi guru prasekolah terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak di daerah Kuala Kangsar, analisis data menggunakan Korelasi Pearson.

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai pekali $r = 0.652$ dengan nilai $p < 0.001$. Berdasarkan tafsiran Cohen (1988), nilai ini menunjukkan hubungan positif pada tahap tinggi. Ini bermakna semakin positif persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP), semakin tinggi kualiti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di prasekolah. Sebagai contoh, guru yang percaya pada keberkesanan kaedah pengajaran kreatif cenderung untuk mengaplikasikan pendekatan berpusatkan murid, menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik, dan mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif, yang seterusnya meningkatkan kualiti PdP.

Dapatan ini secara langsung menjawab persoalan kajian dan mengesahkan hipotesis bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru prasekolah dan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di daerah Kuala Kangsar. Penemuan ini juga konsisten dengan hasil kajian Zainal et al. (2021) dan Haslinda & Zuraida (2020) yang menunjukkan bahawa sikap positif guru memberi kesan langsung terhadap keberkesanan proses PdP.

Selain itu, keputusan ini memberi implikasi penting kepada pentadbir sekolah dan pembuat dasar. Usaha meningkatkan persepsi positif guru terhadap PdP perlu diperkukuhkan melalui program pembangunan profesional berterusan, bimbingan pedagogi, serta penyediaan bahan dan sumber yang mencukupi. Langkah-langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti PdP tetapi juga menyumbang kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak pada peringkat awal pendidikan. Secara ringkas, hubungan positif yang signifikan pada tahap tinggi ini menunjukkan bahawa persepsi guru merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan dan kualiti PdP di prasekolah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini berjaya mencapai ketiga-tiga objektif yang telah ditetapkan. Guru-guru prasekolah di daerah Kuala Kangsar menunjukkan tahap persepsi yang positif terhadap pengajaran, serta mampu melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan kualiti yang memuaskan. Selain itu, kajian ini turut membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara persepsi guru dan mutu PdP yang dijalankan.

Dapatan kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pengembangan teori dan amalan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, hasil kajian juga boleh dijadikan

panduan praktikal oleh guru, pentadbir, dan pembuat dasar dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran di prasekolah. Diharapkan kajian ini dapat menjadi sumber rujukan serta membuka ruang bagi penyelidikan lanjutan pada masa akan datang, bagi memperkukuh sistem pendidikan awal kanak-kanak di negara secara menyeluruh.

Bahagian ini menghuraikan implikasi kajian yang merangkumi dua dimensi utama, iaitu dari sudut teori dan pelaksanaan dalam amalan pendidikan awal kanak-kanak. Implikasi dari aspek teori menjelaskan bagaimana penemuan kajian ini menyokong, mengukuhkan atau memperluas kefahaman terhadap teori-teori pembelajaran yang dijadikan asas dalam kajian ini, seperti Teori Konstruktivisme dan Teori Sosiobudaya. Sementara itu, implikasi dari sudut praktikal memberi tumpuan kepada bagaimana dapatan kajian dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuk guru, pentadbir sekolah, pembuat dasar serta penyedia latihan guru, khususnya dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah.

Secara keseluruhannya, implikasi yang dibincangkan ini berperanan sebagai panduan asas dalam merangka strategi penambahbaikan terhadap amalan PdP, di samping menyokong pembangunan profesionalisme guru dan penambahbaikan dasar pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan, A. H., Anthony, N. E., & Zainudin, N. A. S. (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah: The knowledge of teaching among preschool teachers. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33–41. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.5.2019>
- Aquino, L. N., Mamat, N., & Che Mustafa, M. (2017). Comparing the Kindergarten Curriculum Framework of the Philippines and Malaysia. *International Journal of Early Childhood Education and Care*, 6, 27–40.
- Badiei, M., & Sulaiman, T. (2014). The difference between Montessori curriculum and Malaysia National Preschool Curriculum on developmental skills of preschool children in Kuala Lumpur. *Journal of Education, Society and Behavioural Science*, 4(10), 1372–1385. <https://doi.org/10.9734/BJESBS/2014/9853>
- Jun Long, G. L., & Che Mustafa, M. (2020). Early childhood teachers' perspectives on the effectiveness of teaching vocabulary through nursery rhymes. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 9–17. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.sp.2.2020>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) – Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Masnan, A. H., Mansor, A. N., & Anthony, N. (2021). Teachers' knowledge about the new preschool curriculum in Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(40), 74–86.

- Mustafa, L. M., Rahman, N. A. A., & Ali, F. (2021). Overview of early childhood care and education in Malaysia. *Hungarian Educational Research Journal*, 11(4), 396–412. <https://doi.org/10.1556/063.2021.00055>
- Siraj, I., & Kingston, D. (2015). An independent review of the Scottish Early Learning and Childcare (ELC) workforce. UCL Institute of Education.
- Tee, Y. Q., & Md Nor, M. (2018). Exploring issues on teaching and learning in Malaysian private preschools. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 6(2), 67–82. <https://doi.org/10.22452/mojem.vol6no2.4>